

Kes remaja perempuan warga Ireland, Nora Anne

## Punca kematian diketahui hari ini

Oleh HARADIAN SHAH  
HAMDAN  
pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 14 OGOS

**P**UNCA kematian remaja perempuan warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, dijangka diketahui esok.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, proses bedah siasat yang dijalankan terhadap mayatnya sejak pukul 11.40 pagi hari ini masih belum selesai sehingga pukul 8.30 malam.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin proses tersebut akan dapat diselesaikan pada malam ini.

"Bedah siasat perlu dijalankan dengan teliti untuk menentukan punca kematian Nora Anne. Keputusannya dijangka diumumkan esok," katanya ketika dihubungi hari ini.

Pasukan pakar patologi dari Hospital Kuala Lumpur serta Hospital Tuanku Ja'afar terli-



CHE ZAKARIA OTHMAN (dua dari kiri) bercakap mengenai perkembangan terbaharu Nora Anne Quoirin dalam sidang akhbar di pekarangan Hospital Tuanku Jaafar Hospital (HTJ), Seremban, semalam. - BERNAMA

bat dalam proses bedah siasat remaja berkenaan hari ini yang telah berlarutan lebih sembilan jam.

Nora Anne ditemukan mati oleh pasukan mencari dan menyelamat (SAR) kira-kira 2.5

kilometer dari resort penginapannya di The Dusun Hill di Pantai di sini kira-kira 1.57 petang semalam.

Mayatnya dijumpai dalam keadaan sempurna di kawasan lurah oleh sepasukan pendaki

yang turut menyertai operasi SAR pada hari ke-10 kehilangan gadis tersebut.

Remaja lembam itu didapati hilang oleh keluarganya dari bilik tidur di resort tersebut pada pukul 8 pagi, 4 Ogos lalu.

"Saya yakin proses tersebut akan dapat diselesaikan pada malam ini Bedah siasat perlu dijalankan dengan teliti untuk menentukan punca kematian Nora Anne. Keputusannya dijangka diumumkan esok."

MOHAMAD  
MAT YUSOP

Mangsa tiba di negara ini pada 3 Ogos lalu bersama ibunya, Maebh Jaseprine Quoirin, 46, dan bapa, Sebastian Marie Philippe, 47, serta dua adiknya untuk bercuti selama dua minggu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman memberitahu pemberita satu sidang akhbar akan diadakan esok bagi mengumumkan hasil bedah siasat mayat remaja terbabit.

DALAM MAHKAMAH  
TINGGI MALAYA DI IPOH  
DALAM NEGERI PERAK  
DARUL RIDZUAN  
PENGKALANGAN  
SYARIKAT NO.  
AA-20NCC-02-072019  
Dalam perkara mengenai  
Bodylink Auto Parts Sdn. Bhd.  
(No. Syarikat: 933396-A)  
Dan  
Dalam perkara mengenai Seksyen